

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 14 MEI 2015**

dan lantai konkrit yang kukuh supaya mempunyai kapasiti melebihi 110% daripada muatan tangki skid bagi membendung tumpahan besar.

Tindakan yang boleh diambil ke atas kilang-kilang yang menghasilkan pencemaran adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti tindakan mengeluarkan Notis Arahan, tindakan mengkompaun, tindakan penahanan operasi kelengkapan, tindakan mahkamah dan Perintah Larangan. Pihak premis industri juga boleh diminta untuk melaksanakan ujian percontohan cerobong, pengawasan ambien kualiti udara, bunyi bising dan bau.

Walau bagaimanapun, bagi kes kilang pirolisis (pyrolysis) minyak tayar terpakai yang dinyatakan, kesemua peraturan dan syarat JAS seperti di atas tidak dipatuhi oleh pengusaha. Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan juga tidak diperolehi oleh pengusaha.